



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

**KEMISKINAN DI KALANGAN PEKERJA-PEKERJA ESTET:  
SATU PERBANDINGAN ANTARA LADANG HUNTLEY,  
LADANG HARDCROFT DAN LADANG SUNGAI WANGI,  
DAERAH MANJUNG, PERAK DARUL RIDZUAN.**

**SUBRAMANIAM A/L KARUPPANAN  
200301278**

**KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PERNIAGAAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
TANJONG MALIM**

**2006**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12.4.2006

**SUBRAMANIAM A/L KARUPPANAN**  
**200301278**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kertas projek yang bertajuk Kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet: Satu perbandingan antara Ladang Huntley, Ladang Harcroft dan Ladang Sungai Wangi, Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan oleh Subramanian a/l Karuppanan merupakan sebahagian daripada syarat untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Pendidikan (Ekonomi) di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Diluluskan oleh:

.....  
**Prof. Madya Dr. Mohd. Sheffie b. Abu Bakar**  
**Fakulti Perniagaan dan Ekonomi**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris**  
**( Penyelia/ Pemeriksa )**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

**Tarikh :**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGHARGAAN

Dengan Tuhan Yang Maha Penyayang,

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya saya berjaya menyempurnakan penulisan kertas projek yang bertajuk kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet: Satu perbandingan antara Ladang Huntley, Ladang Harcroft dan Ladang Sungai Wangi, Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Ekonomi) di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

.

Saya merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada **Prof. Madya Dr. Mohd. Sheffie b. Abu Bakar dan Puan Normala bt. Zulkifli** yang banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan kertas projek ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah lain di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar semasa tempoh pengajian saya di sini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pentadbir estet, kakitangan – kakitangan dan penduduk estet yang telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada saya semasa menjalankan kajian ini.

Sekalung budi dan setinggi penghargaan kepada insan yang memahami tugasani ini; Ibu tercinta, isteri tersayang Pn.S.Santhi, anak kembar saya Sarah Kumar dan Sasi Kumar, adik Ipar Pn.S.Sumathi dan keluarga, pihak pentadbir sekolah dan rakan-rakan saya yang banyak berkorban dan membantu saya dalam melengkapkan kertas projek ini.

Akhir kata, sekalung doa untuk semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan kertas projek ini.

## TERIMA KASIH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti, menganalisis dan membandingkan status sosioekonomi dan ciri-ciri kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet antara Ladang Huntley (milik perseorangan), Ladang Harcroft (milik keluarga) dan Ladang Sungai Wangi (milik syarikat) di Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan. Kajian ini menganalisis sebab-sebab kemiskinan masih berterusan di estet serta peranan dan tanggungjawab kerajaan dan NUPW dalam mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet. Dapatkan kajian menunjukkan kadar kemiskinan di Ladang Huntley (25.0 peratus) dan Ladang Harcroft (25.0 peratus) adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan Ladang Sungai Wangi (13.0 peratus). Secara keseluruhan, kadar kemiskinan di estet adalah jauh lebih tinggi daripada kadar kemiskinan negara, iaitu 5.2 peratus pada tahun 2002. Pekerja-pekerja estet terutamanya di Ladang Huntley dan Ladang Harcroft masih tidak menikmati kemudahan-kemudahan asas yang baik dan sempurna. Mereka masih miskin dalam beberapa aspek sosioekonomi seperti status persekolahan, pemilikan dan keadaan rumah, tingkat pendapatan, pemilikan harta benda dan seumpamanya. Analisis kajian menunjukkan kadar kemiskinan adalah lebih tinggi di kalangan KIR perempuan yang majoritinya merupakan janda /balu, KIR yang sudah berumur atau tua, KIR yang tidak pernah bersekolah atau berpendidikan rendah dan KIR yang mempunyai saiz IR yang besar dan bilangan tanggungan yang ramai. Dari segi pendapatan dan saiz IR, tidak terdapat perbezaan min pendapatan dan saiz IR antara ketiga-tiga estet. Tetapi, terdapat perbezaan min perbelanjaan antara Ladang Huntley dan Ladang Sungai Wangi. Perbelanjaan IR pula banyak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan dan saiz IR. Sebab-sebab kemiskinan adalah berpunca daripada upah dan gaji yang rendah, sikap pesimis pekerja, status persekolahan yang rendah dan mobiliti ekonomi dan sosial yang terhad. Analisis kajian juga menunjukkan kerajaan dan NUPW mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting dalam mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet.



## ABSTRACT

The aim of this study is to identify, analyse and to compare the status of the socio-economic and characteristic of poverty among the estate workers in Huntley Estate (Individually Owned), Harcroft Estate (Family Owned) and Sungai Wangi Estate (Owned by a Corporate Company) in the Manjung District, Perak Darul Ridzuan. This study analyses the persistence of poverty in the estates and the role played by the government and NUPW in overcoming poverty among the estate workers. The research findings shows that the poverty level in Huntley Estate (25.0 percent) and Harcroft Estate (25.0 percent) is higher compared to Sungai Wangi Estate (13.0 percent). Basically the poverty rate in the estates are far more higher than the national poverty rate which shows only 5.2 percent in 2002. The estate workers in Huntley Estate and Harcroft Estate are still not enjoying the best of the basic amenities. They are still poor in the socio-economic aspects like schooling status, house ownership, income level, assets ownership and likewise. The research shows that the level of poverty is higher among the household headed by women where majority of them are widows or divorcees, households who are old, households who have no education background or low level of education and large households. Meanwhile from the income and size of households aspect, there is no difference between the average income and the size of households among the three estates. But, there is a difference in mean expenditure between Huntley Estate and Sungai Wangi Estate. Household expenditure is influenced by level of income and the size of the household. The causes of persistence poverty among the estate workers is due to low wages, pessimistic attitude of estate workers, low level of education and limited social and economic mobility. This research also shows that the Government and NUPW both have significant roles and responsibilities in eradicating poverty among the estate workers.

## KANDUNGAN

### ISI

### Muka surat

<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>LAMPIRAN</b>	xvi

### BAB I PENDAHULUAN

<b>1.1 Pengenalan</b>	1
<b>1.2 Permasalahan Kajian</b>	5
<b>1.3 Tujuan kajian</b>	7
<b>1.4 Objektif Kajian</b>	8
<b>1.5 Rasional Kajian</b>	8
<b>1.6 Kawasan Kajian</b>	9
<b>1.7 Instrumen Kajian</b>	10
<b>1.8 Definisi Kemiskinan</b>	11

**BAB II TINJAUAN LITERATUR**

<b>2.1 Pengenalan</b>	<b>14</b>
<b>2.2 Kajian-Kajian Lepas</b>	<b>14</b>
<b>2.3 Teori-Teori Kemiskinan</b>	<b>19</b>
<b>2.3.1 Teori Personaliti dan Ciri-Ciri Budaya Tradisional</b>	<b>19</b>
<b>2.3.2 Teori Peningkatan Dalam Populasi Penduduk</b>	<b>23</b>
<b>2.3.3 Teori Kekurangan Teknologi dan Modal</b>	<b>23</b>
<b>2.3.4 Teori Ketidakseimbangan Ekonomi dan Sosial</b>	<b>24</b>
<b>2.4 Konsep Kemiskinan</b>	<b>25</b>
<b>2.4.1 Kemiskinan Mutlak</b>	<b>25</b>
<b>2.4.2 Kemiskinan Relatif</b>	<b>26</b>
<b>2.5 Ukuran-Ukuran Kemiskinan</b>	<b>27</b>
<b>2.6 Masalah-Masalah Dalam Mengukur Kemiskinan</b>	<b>30</b>
<b>2.7 Cadangan-Cadangan Bagi Mengatasi Masalah Dalam Mengukur Kemiskinan</b>	<b>32</b>
<b>2.8 Kesimpulan</b>	<b>34</b>

**BAB III LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN**

<b>3.1 Pengenalan</b>	<b>35</b>
<b>3.2 Kawasan Kajian</b>	<b>35</b>
<b>3.2.1 Kedudukan dan Saiz Estet</b>	<b>37</b>
<b>3.2.2 Gunatanah</b>	<b>40</b>
<b>3.2.3 Penduduk dan Pekerjaan</b>	<b>42</b>
<b>3.2.4 Latarbelakang Pentadbiran dan Pengurusan</b>	<b>43</b>

### **3.2.5 Kemudahan-kemudahan Asas dan Sosial**

45

### **3.3 Kesimpulan**

53

## **BAB IV KEDUDUKAN SOSIOEKONOMI dan ANALISIS KAJIAN**

### **4.1 Pengenalan**

55

### **4.2 Kedudukan Sosioekonomi KIR**

56

#### **4.2.1 Saiz IR**

56

#### **4.2.2 Umur dan Jantina**

58

#### **4.2.3 Status Perkahwinan**

62

#### **4.2.4 Tanggungan**

64

#### **4.2.5 Status Persekolahan**

68

#### **4.2.6 Pemilikan dan Keadaan Rumah**

69

#### **4.2.7 Kemudahan Asas**

70

#### **4.2.8 Pendapatan**

71

#### **4.2.9 Perbelanjaan**

76

#### **4.2.10 Simpanan dan Pinjaman**

78

#### **4.2.11 Pemilikan Harta ( Barang )**

81

### **4.3 Keadaan dan Ciri-Ciri Kemiskinan Di Kawasan Kajian**

83

#### **4.3.1 Analisis Dimensi Sosial**

84

##### **4.3.1.1 Saiz IR**

84

##### **4.3.1.2 Jantina**

85

##### **4.3.1.3 Umur**

86

##### **4.3.1.4 Status Perkahwinan**

87

<b>4.3.1.5 Tanggungan</b>	<b>88</b>
<b>4.3.1.6 Status Persekolahan</b>	<b>89</b>
<b>4.3.1.7 Kemudahan Asas</b>	<b>90</b>
<b>4.3.2 Analisis Dimensi Ekonomi</b>	<b>92</b>
<b>4.3.2.1 Tingkat Pendapatan</b>	<b>92</b>
<b>4.3.2.2 Pola Perbelanjaan</b>	<b>92</b>
<b>4.3.2.3 Simpanan dan Pinjaman</b>	<b>93</b>
<b>4.4 Sebab-sebab Kemiskinan Masih Berterusan Di Estet</b>	<b>94</b>
<b>4.5 Hipotesis Kajian</b>	<b>98</b>
<b>4.6 Kesimpulan</b>	<b>105</b>

## BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN

<b>5.1 Pengenalan</b>	<b>106</b>
<b>5.2 Rumusan</b>	<b>107</b>
<b>5.2.1 Dimensi Sosial</b>	<b>107</b>
<b>5.2.2 Dimensi Ekonomi</b>	<b>109</b>
<b>5.3 Cadangan</b>	<b>110</b>
<b>5.3.1 Peranan dan Tanggungjawab Kerajaan</b>	<b>110</b>
<b>5.3.2 Peranan dan Tanggungjawab NUPW</b>	<b>114</b>
<b>5.4 Kesimpulan</b>	<b>116</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>117</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>120</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		M / S
Jadual 4.1	Taburan IR Miskin dan Bukan Miskin Mengikut Saiz IR	57
Jadual 4.2	Taburan KIR Miskin dan Bukan Miskin Mengikut Umur dan Jantina	59
Jadual 4.3	Status Perkahwinan KIR Miskin dan Bukan Miskin Mengikut Jantina	61
Jadual 4.4	Taburan IR Mengikut Bilangan Tanggungan dan Golongan	63
Jadual 4.5	Taburan IR Miskin dan Bukan Miskin Mengikut Bil. Tanggungan Yang Tidak Tinggal Bersama	65
Jadual 4.6	Status Persekolahan KIR Miskin dan Bukan Miskin	67
Jadual 4.7	Taburan Pendapatan Bulanan Bagi IR Miskin dan Bukan Miskin	72
Jadual 4.8	Taburan Pendapatan Perkapita Bagi IR Miskin dan Bukan Miskin	75
<b>Jadual 4.9</b>	<b>Perbelanjaan IR miskin dan Bukan Miskin</b>	<b>77</b>
Jadual 4.10	Perbelanjaan IR miskin dan Bukan Miskin Mengikut Jenis Perbelanjaan	79
Jadual 4.11	Pemilikan Harta Dalam Bentuk Barang Oleh IR Miskin dan Bukan Miskin	82
Jadual 4.12	ANOVA Pendapatan IR	99
Jadual 4.13	ANOVA Perbelanjaan IR	100
Jadual 4.14	Multiple Comparisons	101
Jadual 4.15	ANOVA Saiz IR	102
Jadual 4.16	Korelasi Antara Pendapatan IR Dengan Perbelanjaan IR	103
Jadual 4.17	Korelasi Antara Saiz IR Dengan Pendapatan IR	104

## SENARAI RAJAH

**Rajah**

**Muka Surat**

Rajah 3.1	Rajah Kedudukan Kawasan Kajian	39
Rajah 3.2	Rajah Struktur Pentadbiran dan Pengurusan Estet	43

## SENARAI FOTO

Foto	Muka Surat
Foto I (a) : Ladang Huntley	37
Foto I (b) : Ladang Harcroft	38
Foto I (c) : Ladang Sungai Wangi	38
Foto II (a) : Kawasan Penanaman Kelapa Sawit	40
Foto II (b) : Kawasan Penanaman Jambu Batu	41
Foto II (c) : Kilang Memproses Buah Jambu Batu	41
Foto III : Rumah Pekerja	47
Foto IV : Klinik Perubatan	48
Foto V (a) : SRK(T) Ladang Huntley	49
Foto V (b) : SRK(T) Ladang Sungai Wangi	50
Foto V (c) : Kelas Tadika Ladang Sungai Wangi	51
Foto VI : Pusat Jagaan Anak Di Ladang Sungai Wangi	52

## SENARAI SINGKATAN

<b>Singkatan</b>	<b>Maksud</b>
IR	Isi Rumah
KIR	Ketua Isi Rumah
AIR	Ahli Isi Rumah
MAPA	Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Malaysia
NUPW	Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang
SERU	Unit Penyelidikan Sosioekonomi
INSAN	Institusi Analisa Sosial
ANOVA	Analisis Varians
SRK (T)	Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil
COLA	Elaun Saraan Hidup

## LAMPIRAN

1. Output Komputer

2. Borang Soal Selidik

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Kemiskinan di Malaysia bukanlah satu perkara baru. Ia telah wujud semenjak zaman sebelum merdeka sehingga kini. Justeru itu, berbagai dasar, strategi, program dan projek telah dilaksanakan oleh berbagai pihak. Hasil dari tindakan-tindakan yang dilaksanakan, data-data statistik negara menunjukkan bahawa kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin di Malaysia telah berkurangan ( Chamhuri, 2004 ).

Kadar kemiskinan negara menurun dari 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 16.5 peratus pada tahun 1990, 7.5 peratus pada tahun 1999 dan 5.1 peratus pada tahun 2002. Bilangan isi rumah miskin juga menurun daripada 574,500 isi rumah pada tahun 1990 kepada 360,100 isi rumah pada tahun 1999 dan seterusnya kepada 267,900 isi rumah pada tahun 2002. Kerajaan juga telah menetapkan matlamat mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5 peratus pada tahun 2005 ( Zazali Salehudin, 2004 ).

Walaupun kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin menunjukkan penurunan, namun bilangan isi rumah miskin masih lagi tinggi iaitu sebanyak kira-kira 267,900 isi rumah pada tahun 2002. Sungguhpun negara telah mencapai kemajuan dan pembangunan yang pesat dan memberangsangkan seperti yang ditunjukkan oleh kadar pertumbuhan ekonomi dan peningkatan pendapatan perkapita, namun golongan miskin dan termiskin masih wujud ( Chamhuri, 2004 ).

Menurut Ramon V.Navaratnam (2003), walaupun Malaysia telah berjaya mengurangkan kemiskinan dari 1.1 juta orang pada tahun 1970 kepada 0.6 juta orang pada tahun 1990, usaha dan tindakan masih perlu diperbanyakkan dan dipertingkatkan lagi untuk membasi kemiskinan. Ini kerana terdapatnya ribuan penduduk di kampung-kampung, kampung-kampung baru, estet-estet dan kawasan-kawasan tertentu di bandar yang masih berada di bawah belenggu kemiskinan.

Kehidupan dan suasana bekerja bagi pekerja-pekerja estet di Malaysia masih lagi dalam serba kemiskinan dan tidak memuaskan sungguhpun berlaku pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam sektor-sektor lain, contohnya sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pada hakikatnya sejak tahun 1930-an hingga ke hari ini, hanya sedikit sahaja perubahan yang memberi kesan kepada corak hidup dan kemajuan pekerja-pekerja estet. Sungguhpun pekerja-pekerja estet memberi sumbangan terbesar kepada pembangunan sektor pertanian dan pendapatan negara, namun kebajikan mereka kurang diberi perhatian dan hak mereka sebagai manusia biasa untuk mendapatkan taraf kehidupan yang lebih baik selalunya diketepikan.

**“No proper maintenance, no clean drinking water, no clinic, no pre-school, high level of drop-outs and low pay. We get our water supply from the river. It’s not filtered at all, the water is so smelly. Last year, most of the children’s fell sick- they had high fever and were vomiting.”**

( Letchimi Devi, 2003 )

Keadaan kemiskinan di estet-estet masih membimbangkan. Menurut Rancangan Malaysia Ketiga, 40.1 peratus daripada jumlah buruh estet adalah miskin dan ini merupakan 7.5 peratus daripada jumlah rakyat miskin di Semenanjung Malaysia. Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, kemiskinan di kalangan pekerja estet meningkat daripada 35.1 peratus pada tahun 1980 kepada 54.6 peratus pada tahun 1983. Pada tahun 1987, kadar kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet telah menurun kepada 15.0 peratus tetapi telah meningkat semula kepada 29.0 peratus pada tahun 1990 ( Chamhuri, Surtahman dan Norshamliza, 2005).

Dari segi gunatenaga, sebelum tahun 1980an, pekerja-pekerja estet majoritinya terdiri daripada warganegara Malaysia yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India. Daripada keseluruhan pekerja estet, lebih daripada 50 peratus adalah terdiri daripada orang India. Namun, keadaan ini telah berubah kini di mana estet-estet telah dibanjiri oleh buruh asing yang terdiri daripada warganegara Indonesia dan Bangladesh. Kekurangan buruh yang sangat dirasai sejak kebelakangan ini, menyebabkan negara terpaksa mengambil buruh asing untuk bekerja di sektor-sektor estet. Tetapi, kedatangan buruh asing secara beramai-ramai sedikit sebanyak telah memberi kesan buruk terhadap taraf hidup dan kebajikan pekerja-pekerja tempatan. Pendapatan yang



diperoleh oleh pekerja-pekerja tempatan adalah rendah dan masih kurang memuaskan dan keadaan ini membimbangkan pekerja-pekerja tempatan ( Tamil Nesan, 2005).

Pekerja-pekerja di estet terdiri daripada generasi kedua, dan ketiga yang telah dilahirkan di tanahair kita sendiri. Majoriti daripada mereka masih hidup dalam keadaan kemiskinan. Walaupun sudah sampai kepada generasi ketiga, keadaan hidup pekerja-pekerja estet tidak banyak berubah dan masih ketinggalan dari segi pembangunan ( Marimuthu, 1984). Keadaan hidup pekerja estet melarat, tidak dapat membebaskan diri dari ikatan estet yang dilahirkan oleh sistem sosial bercorak tertutup. Keadaan ini telah memisahkan mereka daripada masyarakat umum. Sistem pelajaran juga tidak dapat menolong mereka membebaskan diri dari ikatan ini. Mereka hidup dalam satu suasana yang tertutup dan mempunyai persamaan sesama komuniti dari aspek nilai. Bagi mereka, estet bukan sahaja tempat bekerja malah estet



“It is just not a place of work, it is their whole life...the plantation is a binding force that welds people on it together. It is unifying. Everyone owes his existence to it, to rebel against it is to threaten one’s own survival, for other native opportunities are normally hard to find.....”

( Marimuthu, 1984 )

Justeru itu, mereka tetap tinggal di estet-estet dan menjadi golongan yang menderita akibat kemiskinan di kawasan tersebut.





## 1.2 Permasalahan Kajian

Walaupun kerajaan telah melaksanakan beberapa program pembasmian kemiskinan di peringkat kebangsaan, namun kemiskinan masih berterusan di Malaysia. Kemiskinan masih merupakan fenomena sosial yang serius di sektor estet. Kajian-kajian yang dibuat oleh para akademik, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kerajaan jelas menunjukkan bahawa pekerja estet merupakan golongan yang sering menghadapi pelbagai masalah dalam mencapai taraf hidup yang lebih baik. Kemudahan-kemudahan asas yang dinikmati oleh pekerja di kebanyakan estet masih kurang memuaskan (Tamil Nesan, 2005). Pemilikan rumah bersaiz kecil, kemudahan perubatan yang tidak lengkap, pembekalan letrik dan air bersih yang terhad dan kemudahan pelajaran yang amat berkurangan merupakan antara masalah asas yang masih wujud di sektor estet (Utusan Pengguna, 1986).



Kesatuan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW), rakyat tempatan enggan bekerja di sektor estet kerana keadaan kerja adalah kurang memuaskan dan tidak selamat, ganjaran rendah dan kemudahan asas tidak lengkap dan kurang memuaskan (Berita Harian, 1989). Hasil kajian selama dua tahun oleh kerajaan menunjukkan penduduk seramai 80 peratus daripada kira-kira 2,000 ladang di Malaysia menggunakan air dari kolam dan anak sungai untuk kegunaan sehari-hari (Berita Harian, 1989).

Menurut Kementerian Sumber Manusia, 80 peratus daripada 250,000 pekerja estet di negara ini terdedah kepada pelbagai bahaya kesihatan kerana keadaan hidup yang tidak memuaskan menyebabkan sebahagian besar pekerja estet termasuk anak





mereka sering mengalami penyakit kulit, cirit-birit, sakit dada dan sebagainya (Berita Harian, 1989 ).

Kajian yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi menunjukkan bahawa hanya 20 peratus kanak-kanak dari 28 buah estet, mencapai peringkat PMR dan daripada jumlah ini kurang daripada separuh yang lulus. Sementara, hanya 5.5 peratus yang sampai ke peringkat SPM dan cuma  $\frac{1}{4}$  daripadanya sahaja yang lulus. Hanya 0.3 peratus yang dapat menjakkan kaki ke Universiti ( Utusan Pengguna, 1986).

Sungguhpun kebanyakan estet dibekalkan kemudahan bekalan air (air paip) dan bekalan letrik masa kini, namun kadar bayaran yang dikenakan adalah tinggi sehingga membebankan mereka. Bagi setiap isi rumah, kadar bayaran yang sebenarnya ditetapkan adalah 30 sen bagi satu unit air dan 21.8 sen bagi satu unit letrik yang digunakan. Oleh sebab kebanyakan estet mempunyai kilang-kilang memproses hasil pertanian, maka kadar bayaran yang dikenakan untuk air dan letrik adalah dihitung berdasarkan perkilangan, perniagaan dan perdagangan. Ini menyebabkan pekerja-pekerja estet terpaksa membayar kadar bayaran yang lebih tinggi daripada yang sepatutnya ( Tamil Nesan, 2005).

Kebanyakan pekerja estet juga menghadapi masalah dalam memiliki rumah sendiri. Sungguhpun pihak majikan menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk mereka, tetapi pekerja-pekerja estet terpaksa meninggalkan rumah kediamannya apabila bersara ataupun diberhentikan kerja. Keadaan ini menjadi semakin buruk apabila estet tersebut dijual kepada pihak lain untuk tujuan pembangunan. Kerapkali



pihak yang terlibat memberi jaminan untuk membina rumah-rumah kos rendah kepada pekerja estet. Tetapi, jaminan seumpamanya jarang dipenuhi oleh mereka. Hasrat pekerja estet untuk memiliki rumah sendiri seringkali menemui jalan buntu (Malaysia Nanban, 2005).

### **1.3 Tujuan Kajian**

Kajian tentang kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet mempunyai tiga tujuan utama:

- I Mengkaji dan membandingkan ciri-ciri dan status sosioekonomi isi rumah pekerja di tiga buah estet iaitu Ladang Huntley (milik perseorangan), Ladang Harcroft (milik keluarga) dan Ladang Sungai Wangi (milik syarikat) di Daerah Tuan Manjung, Perak Darul Ridzuan untuk mengenal sifat-sifat kemiskinan mereka.
- II Mengkaji sebab-sebab berlakunya kemiskinan yang berterusan di sektor estet.
- III Melihat peranan dan tanggungjawab kerajaan dan kesatuan sekerja (NUPW) dalam mengatasi masalah kemiskinan di sektor estet.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk melihat sama ada terdapat:

- I Perbezaan min pendapatan IR antara Ladang Huntley, Ladang Harcroft dan Ladang Sungai Wangi.
- II Perbezaan min perbelanjaan IR antara estet-estet berkenaan.
- III Perbezaan min saiz IR yang signifikan antara estet-estet berkenaan.
- IV Hubungan yang signifikan antara perbelanjaan IR dengan pendapatan IR
- V Hubungan yang signifikan antara saiz IR / keluarga dengan pendapatan IR

## 1.5 Rasional Kajian

Kajian ini perlu dijalankan kerana sehingga kini, tidak ramai sarjana yang mengkaji aspek-aspek kemiskinan terutamanya di sektor estet dengan lebih dekat lagi. Didapati

kebanyakannya pengkaji tempatan melakukan kajian tentang kemiskinan di kalangan petani-petani padi, pekebun-pekebun kecil getah, pekebun-pekebun kecil kelapa dan nelayan. Kajian ini dianggap penting memandangkan sektor estet yang kebanyakannya diduduki oleh pekerja-pekerja keturunan India disamping buruh asing menghadapi seribu satu macam masalah walaupun sudah 48 tahun negara kita mencapai kemerdekaan. Kajian ini diharapkan akan memberi satu gambaran yang jelas dan nyata mengenai ciri-ciri sosioekonomi pekerja estet yang menganggap estet sebagai syurga kehidupan mereka sehingga sekarang.



## 1.6 Kawasan Kajian

Kawasan kajian yang dipilih adalah tiga buah estet, iaitu Ladang Huntley, Ladang Sungai Wangi dan Ladang Harcroft yang terletak di Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan. Mengikut kamus dewan, estet merujuk kepada satu kawasan tanah atau kebun yang keluasannya melebihi 100 hektar. Saiz estet sama ada kecil, sederhana besar atau besar bergantung kepada keluasan tanah. Ladang Huntley mempunyai keluasan tanah lebih kurang 670 ekar ( 271.35 hektar). Pada suatu ketika, ladang ini mempunyai keluasan tanah melebihi 1,000 ekar ( 405.0 hektar) tetapi kini telah dijual kepada pihak swasta untuk tujuan pembangunan. Ladang Huntley merupakan sebuah estet yang kecil yang terletak jauh dari kawasan bandar. Estet ini dimiliki oleh syarikat milik perseorangan, iaitu Syarikat V.K.Kalyana Sundram Sendirian Berhad dalam tahun 1971. Di estet ini terdapat 12 isi rumah, iaitu 10 isi rumah India dan 2 isi rumah Melayu dan 20 orang pekerja Indonesia.



Ladang Harcroft adalah sebuah estet yang terletak jauh dari kawasan bandar. Saiz keluasannya adalah kira-kira 1,500 ekar ( 607.5 hektar). Estet ini adalah kecil dan di miliki oleh sebuah syarikat milik keluarga, iaitu Syarikat Saw Brothers Realty Sdn. Bhd. Di sini terdapat 16 isi rumah, iaitu 14 isi rumah India dan 2 isi rumah Melayu. Selain itu terdapat 37 orang buruh asing yang terdiri daripada warganegara Indonesia dan India.

Ladang Sungai Wangi merupakan sebuah estet yang terletak dekat dengan kawasan bandar. Ia mempunyai keluasan lebih kurang 2, 400 ekar ( 972.0 hektar). Estet ini pernah mempunyai keluasan melebihi 3,000 ekar ( 1215.0 hektar) tetapi kini telah dijual untuk pembinaan lapangan terbang . Estet ini adalah sederhana besar dan



dimiliki oleh Golden Hope Plantations Berhad, iaitu sebuah syarikat yang besar dan terkenal dalam sektor perladangan. Di estet ini terdapat 110 isi rumah, iaitu 60 isi rumah Melayu dan 50 isi rumah India yang merupakan warganegara Malaysia. Di samping itu, terdapat lebih kurang 90 orang buruh Indonesia yang bekerja di sini.

### **1.7 Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini beberapa instrumen akan digunakan untuk mengkaji kemiskinan di kalangan pekerja-pekerja estet Ladang Huntley, Ladang Harcroft dan Ladang Sungai Wangi.

Pertama, kaedah soal selidik. Borang soal selidik yang digunakan adalah digubal oleh penyelidik berdasarkan kepada pembolehubah-pembolehubah yang hendak diukur. Seramai 80 orang ketua isi rumah dipilih sebagai responden dalam kaedah ini. Soal selidik ini meliputi maklumat-maklumat tertentu seperti latar belakang peribadi dan keadaan sosioekonomi ketua isi rumah. Selain itu, soal selidik ini juga mempunyai beberapa persoalan bersifat persepsi iaitu pandangan dan harapan ketua isi rumah terhadap kemiskinan kawasan kajian tersebut.

Kedua, kaedah temubual. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan yang tidak tercatat dalam borang soal selidik. Ia dilakukan secara formal dengan pengurus estet, kerani, mandor dan pekerja estet untuk memperolehi maklumat-maklumat tambahan yang lebih relevan yang diperlukan untuk kajian ini.

Ketiga, kaedah pemerhatian ikut serta. Kaedah ini juga dilakukan oleh pengkaji dengan melibatkan diri secara langsung dalam kelompok pekerja estet tersebut. Ini termasuklah melihat keadaan tempat kediaman mereka, kemudahan-kemudahan asas dan sosial yang terdapat di estet dan melawat tempat mereka bekerja. Kaedah ini dianggap penting untuk mengelakkan prasangka yang timbul di kalangan ketua isi rumah.

Akhirnya, maklumat-maklumat tambahan atau data-data yang berkaitan dengan kajian ini diperoleh dari dua sumber iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperoleh daripada maklumbalas pekerja-pekerja estet melalui borang soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik kepada mereka. Data sekunder pula merujuk kepada penyelidikan perpustakaan meliputi buku rujukan, jurnal dan akhbar, pejabat pentadbiran estet dan pejabat daerah.

## 1.8 Definisi Kemiskinan

Mengikut Meissner (1973), kemiskinan adalah suatu keadaan dimana manusia hidup dalam serba kekurangan iaitu tidak mempunyai kemudahan asas yang baik dan sempurna.

Townsend (1970) mendefinisikan kemiskinan sebagai ketidakseimbangan dalam pengagihan pendapatan, modal, kemudahan pekerjaan, perkhidmatan-perkhidmatan awam dan swasta. Beliau menambah lagi, bahawa kemiskinan sebagai satu masalah yang berterusan di negara-negara membangun. Ini termasuklah gaji yang rendah, buruh tidak mahir, buruh kanak-kanak, pengangguran dan ketiadaan bekalan

makanan serta beberapa bentuk ‘escapis’ seperti menagih dada dan minum minuman keras.

Robert Holdman (1978) menyatakan kemiskinan sebagai merujuk kepada pelbagai keadaan dimana terdapat perbezaan dari segi pemilikan harta benda, sumber-sumber pelajaran, pekerjaan dan pendapatan serta persekitaran rumah.

Todaro (1991) mendefinisikan kemiskinan sebagai satu tahap pendapatan yang diperlukan seseorang bagi memenuhi keperluan perlindungan, makanan, minuman dan pakaian. Tambahan, kemiskinan menyebabkan seseorang itu tidak dapat memenuhi keperluan dirinya sendiri agar setaraf dengan kehidupan kelompok atau masyarakat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

S.Hussin Ali (1978) mentakrifkan kemiskinan sebagai keadaan kekurangan keupayaan untuk memperolehi keperluan-keperluan asas seperti makanan, perumahan, pakaian dan kemudahan-kemudahan sosial. Menurut beliau lagi, keadaan sedemikian timbul kerana tingkat pendapatan dan alternatif pekerjaan adalah rendah. Golongan miskin ini menduduki tempat paling bawah dalam susunlapis masyarakat.

Kamal Salleh (1983) mendefinisikan kemiskinan sesuatu masyarakat sebagai golongan yang tidak mempunyai keupayaan pendapatan, sumber-sumber kuasa sosial, kuasa politik, kuasa suara dan pendidikan. Kemiskinan juga harus mengambil kira keperluan-keperluan asas sesuatu masyarakat seperti makanan, pakaian dan perlindungan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Mengikut Bank Dunia, kemiskinan adalah satu keadaan kelaparan, kekurangan tempat untuk berteduh, kanak-kanak tidak dapat ke sekolah dan tidak tahu membaca, tidak ada pekerjaan dan turut kehilangan masa depan, kekurangan air bersih dan merupakan keadaan tidak berdaya upaya, kekurangan perwakilan dan keselesaan.

Mohamad Khir Toyo (2004) mengertikan kemiskinan sebagai keadaan kekurangan daripada paras keperluan asas tertentu. Keperluan asas ini termasuklah antaranya kekurangan upaya untuk menyediakan makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, rawatan asas kesihatan dan sebagainya.

Noor Sharifah (2004) melihat kemiskinan sebagai satu masalah pelbagai dimensi, masalah sosioekonomi dan masalah ketidakseimbangan sosial dalam masyarakat. Chamhuri (2004) juga melihat kemiskinan sebagai satu fenomena pelbagai dimensi yang terdiri daripada ekonomi dan bukan ekonomi. Ia sering merujuk kepada kemiskinan ekonomi atau harta benda.

Pada keseluruhannya, kemiskinan dapat disimpulkan sebagai satu keadaan dimana manusia menghadapi kekurangan daripada pelbagai aspek ekonomi dan bukan ekonomi dalam hidup mereka.